

02 AUG 2001

Mahathir-Kaum

SEMUA NEGARA AKAN PUNYAI RAKYAT BERBILANG KAUM -- MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semua negara di dunia ini akan mempunyai rakyat berbilang kaum yang datang dari semua pelosok dunia pada masa hadapan.

Perdana Menteri berkata mobiliti masyarakat manusia yang begitu tinggi sekarang dengan kemudahan perhubungan seperti perkapal dan penerbangan akan menyebabkan sempadan negara semakin sukar dikawal.

Faktor itu akan membolehkan lebih ramai orang berpindah dan berhijrah dari satu negara ke negara lain.

"Pada abad-abad akan datang, bahkan dekad-dekad akan datang, tidak akan ada negara yang diduduki oleh satu kumpulan etnik atau ras sahaja," katanya dalam ucap utamanya pada majlis Dialog Perdana Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini.

Dr Mahathir yang menyampaikan ucapan bertajuk "Toleransi - Model Malaysia" berkata perkembangan itu akan merumitkan usaha untuk mengekalkan identiti anak watan melalui budaya, agama dan bahasa kerana kaum-kaum pendatang itu akan terus mengekalkan bahasa, budaya dan agama mereka.

Perdana Menteri, yang menggunakan contoh masalah perkauman yang semakin meningkat di negara-negara Eropah kerana faktor mobiliti masyarakat manusia, membayangkan kemungkinan pada satu masa nanti bangsa seseorang akan hanya ditentukan oleh pasport atau kad pengenalan sahaja.

"Percubaan supaya kaum pendatang akan hanya diterima sebagai warganegara setelah mereka menerap bahasa, budaya dan agama kaum asli akan berkurangan dan rakyat sesebuah negara akan terdiri daripada pelbagai bangsa dengan bahasa, budaya dan agama yang berlainan," katanya.

Dr Mahathir berkata penghijrahan bangsa-bangsa yang miskin ke negara-negara yang kaya itu akan menyebabkan masalah perkauman menjadi semakin ketara kerana akan ada kaum pendatang yang berusaha gigih dan menjadi lebih kaya daripada penduduk tempatan yang tidak sanggup bekerja kuat.

"Sama ada kaum pendatang ini berjaya atau tidak, mereka mengancam penduduk asli tempatan," katanya.

Ancaman terhadap kaum asli tempatan, katanya, akan meningkat ke tahap yang tidak dapat diterima oleh mereka apabila bilangan kaum pendatang itu nanti bertambah dan ini bukan sahaja akan mewujudkan ketegangan kaum malah menjejaskan sifat toleransi antara kaum.

Dr Mahathir berkata semua pihak harus menerima realiti bahawa semakin ramai kaum pendatang, hubungan antara kaum akan menjadi semakin buruk dan semakin sukar pula bagi masing-masing, terutamanya penduduk asli tempatan, untuk bertoleransi.

"Ini adalah naluri manusia dan tiada siapa yang boleh mengatasinya secara benar dan ikhlas," katanya.

Perdana Menteri turut mengaitkan faktor keangkuhan keturunan, keaslian bangsa dan perasaan tidak selamat sebagai antara faktor yang menyebabkan golongan atasan dan intelek bersikap tidak toleran terhadap kaum pendatang.

"Hakikatnya ialah tahap sikap toleran berkait rapat dengan kepentingan diri atau kaum dan bangsa. Sikap toleran mudah dipamerkan jika masalah terdapat di negara orang. Apabila negara sendiri terancam, maka toleransi diketepikan," katanya.

Dr Mahathir memberi contoh berlakunya rusuhan kaum yang serius di Britain baru-baru ini sedangkan orang British sering menegur Malaysia kononnya orang Melayu terutamanya tidak toleran dan tidak adil kepada kaum

lain, lebih-lebih lagi kaum Cina.

Persoalannya ialah sama ada rusuhan kaum itu tidak disebabkan oleh sikap tidak toleran orang kulit putih.

"Sebenarnya agak mudah bersikap toleran terhadap kaum pendatang di negara lain, bersikap toleran secara akademik, tetapi tidaklah begitu mudah bersikap toleran jika kaum pendatang mengancam diri sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata, orang Eropah yang begitu bising dengan hak asasi manusia dan lantang menolak perkauman juga jelas tidak lebih toleran atau kurang perkauman daripada bangsa-bangsa yang mereka cemuhi.

"Walaupun kerajaan mereka cuba bersikap toleran tetapi rakyat dan kakitangan kerajaan termasuk polis mereka tetap tidak toleran," katanya.

-- BERNAMA

AFY AHH RON